

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

No. 382.

FATWA MENGENAI STATUS TAPAK WAKAF KHAS MASJID  
YANG TELAH TIDAK DIGUNAKAN

Bahawasanya Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [Enakmen 4 tahun 2004], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

Dan Bahawasanya menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta dan Kerajaan Negeri* telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarakan fatwa yang berikut:

“Boleh menggantikan tapak wakaf khas masjid yang tidak digunakan bagi tujuan pembinaan masjid kepada tapak yang lain dengan syarat mempunyai kesamaan atau lebih nilai tapak tersebut berdasarkan kaedah *istibdal (gantian)*”.

Tujuan pemindahan hendaklah berdasarkan kepada suai manfaat yang tidak bercanggah dengan Hukum Syarak dan Maslahah (kepentingan

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

12hb Feb. 2015]

413

---

---

umum). Sebarang bentuk tujuan istibdal (*gantian*) hendaklah terlebih dahulu mendapat perakuan daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak”.

Bertarikh 19 Januari 2015

[MNPK.A351.IST/01/7 JLD3; PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA

*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*

*Negeri Perak Darul*